

27/02/2004

Sally sontok akal dek kebencian

AMBOI... amboi. Lasernya tulisan Sally Si Janda Joran, minggu lalu. Tak sayang mulut ke kak janda ooi?

Senang-senang Sally kata kaki pancing kontot akal, kemetot otak dan macam-macam ...tot lagi sejak kebelakangan ini. Wak pun naik rimas sebab setiap minggu, ada anak-anak kecil (termasuk anak Wak) yang tanya; "Apa kemetot tu abah?" Pada Wak bahasa tu, tak elok diagung-agungkan sangat. Kasar bahasa tu Sally! Malah ada kaki pancing yang marah dengan gelaran yang berakhir dengan ..tot yang sering digunakan Sally.

`Dalam hal ini, mereka bukan saja bantut dari segi fizikal atau tubuh badan, tetapi turut kemetot otaknya. Sally bersyukur yang amat sangat kerana tak ramai kaki pancing yang masuk politik atau menjadi pemimpin masyarakat. Kalau tidak tentu haru jadinya negara kita ni,' Itu kenyataan Sally minggu lepas. Bukan Wak yang cakap tau!

Agak-agak, betul ke tuduhan Sally tu? Wak rasa kalau ada undian sekali pun, pasti 100 peratus tak setuju dengan tuduhan Sally. Wak tak pasti sama ada Sally baca surat khabar atau tidak? Atau mungkin, Sally, oleh kerana terlalu anti-lelaki kaki pancing, tak pernah ambil tahu hal ehwal negara dan tak ambil peduli apa berlaku di sekeliling.

Wak bukannya marah, tapi nak Sally sedar sedikit apa ada di sekeliling Sally.

Sally tak sedar ke Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, kan kaki pancing. Dulu, Tun Dr Mahathir pun kaki pancing (cuma tak berapa serius sangat). Sekarang ni, hah tu ... Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsuddin Osman, pun kaki pancing. Malah sejak Perbadanan Putrajaya menganjurkan pertandingan memancing, setiap kali itulah kelibat Samsuddin akan kelihatan. Malah dalam pertandingan baru-baru ini, Samsuddin dapat tempat kelapan daripada lebih 1,000 peserta! Kan hebat tu insan yang dinamakan lelaki.

Kalau Sally tak kenal Pak Lah, Dr Mahathir dan Samsuddin... Wak rasa pasti Sally kenal George W Bush - Presiden Amerika Syarikat. Dia pun kaki pancing juga! Tak habis-habis dia memancig di Kem David apabila berehat di sana.

Wak tak bolehlah nak senaraikan semua tokoh-tokoh terbilang negara atau seluruh dunia yang kaki pancing. Kalau Wak senaraikan nanti, tak cukup rasanya 12 halaman JORAN minggu ini. Cukuplah sekadar empat nama di atas bagi membuktikan bahawa lelaki bukan calang-calang ni juga suka memancing.

Kaki pancing boleh jadi apa saja - dari tokoh korporat hinggalah kepada pemimpin negara. Memancing hanyalah satu hobi masa senggang yang tiada kaitan dengan kemetot otak. Malah, pada Wak, kaki pancing ni otaknya jauh lebih canggih, lebih hebat dan lebih advance daripada perempuan, khususnya Sally. Manakan tidak, ikan di dalam air yang tidak boleh dilihat, boleh dijerat dengan pelbagai cara. Siap boleh tahu pula jantan betinanya, apa spesiesnya, bila ia nak makan umpan dan macam-macam lagi.

Kalau otak tak bergeliga, manakan boleh kaki pancing tahu segala fisiologi, biologi, psikologi dan macam-macam lagi...logi membabitkan ikan di dasar laut. Kan hebat tu insan yang dinamakan lelaki!

Eleh sebenarnya Sally je yang songor dan sontok akalnya dek kerana terlalu anti lelaki kaki pancing. Betul tak Sally?